

Kejohanan Hoki Dewan 6 Side Bitara UPSI 2009



Mohd Hafeez Nordin

Kejohanan Hoki Dewan 6 side UPSI telah diadakan pada 23 hingga 25 Oktober yang lalu. Kejohanan ini telah berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim Perak. Pada edisi kejohanan kali ini Pasukan Hoki Siswa UniMAP telah menghantar penyertaan seramai 8 Pasukan, termasuklah pasukan hoki wanita. Kejohanan yang berstatuskan peringkat kebangsaan ini telah menarik ramai penyertaan dari pelbagai pasukan termasuk IPTA awam, institusi pengajian swasta dan juga kelab-kelab dari seluruh negeri.

Terdapat 4 kategori yang dipertandingkan iaitu lelaki dan wanita terbuka, tertutup UPSI serta terbuka IPTA. Pasukan UniMAP telah menyertai kategori tertutup IPT dan juga kategori lelaki terbuka. Pasukan Hoki Siswa UniMAP telah diletakkan didalam kumpulan bersama-sama pasukan UteM A, Politeknik Seberang Perai, Indonesia A dan juga Polimas. Manakala pasukan siswi pula telah diletakkan bersama-sama pasukan Indonesia, Politeknik Seberang Prai dan UPSI.

Penyertaan pada kali ini Pasukan Hoki Siswa UniMAP hanya mampu melayakkan diri hingga keperingkat separuh akhir yang mana tewas tipis kepada pasukan Indonesia B dengan jaringan (0-1). Bagi pasukan Hoki siswi UniMAP pula hanya mampu melayakkan diri ke pusingan kedua sahaja apabila tewas kepada pasukan UPSI dengan jaringan 0-2. Diharap pada edisi yang akan datang pasukan Hoki Siswa UniMAP akan lebih berusaha lagi sewaktu latihan serta mencapai kejayaan pada kejohanan lain.